

KUALA LUMPUR, 15 MAC (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PEMBINAAN KILANG-KILANG ELEKTRONIK DI MASA DEPAN PERLU DITEMPATKAN DI KAWASAN-KAWASAN KURANG MAJU UNTUK MENGURANG-KAN PENGHIJRAHAN PARA BELIA KE KOTA-KOTA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN TUMPUAN INDUSTRI ELEKTRONIK DI NEGERI-NEGERI MAJU PADA MASA INI SEPERTI PULAU PINANG, SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, MELAKA DAN JOHOR TELAH MENGAKIBATKAN PENGHIJRAHAN BELIA DARI NEGERI-NEGERI KURANG MAJU UNTUK Mencari PEKERJAAN DI KILANG-KILANG YANG DIDIRIKAN DI NEGERI-NEGERI TERSEBUT.

ALIRAN INI PERLU DITUKAR DENGAN MENDIRIKAN KILANG-KILANG DI MANA TERDAPAT PARA BELIA YANG MEMERLUKAN PEKERJAAN, KATANYA SEMASA BERUCAP MERASMIKAN KILANG ASIAN NDK CRYSTAL SDN. BHD DI KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS SUNGAI WAY/SUBANG, DEKAT SINI HAR INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MERASA TELAH TIBA MASANYA UNTUK MENKKAJI SEMULA KEDUDUKAN INDUSTRI ELEKTRONIK SELARAS DENGAN KEPERLUAN DAN MATLAMAT SOSIO-EKONOMI NEGARA DALAM KONTEKS PENCAPAIANNYA DALAM TAHUN 70-AN DAN KE ARAH HALUANNYA KE TAHUN 80-AN.

+LANGKAH-LANGKAH SEPERTI INI PERLU UNTUK MEWUJUDKAN PERKEMBANGAN YANG TERATUR DAN SAKSAMA BAGI SELURUH NEGARA+, TAMBAH BELIAU. -- BERSAMBUNG 1410/LK

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU OLEH KERANA INDUSTRI ELEKTRONIK MERUPAKAN SATU-SATUNYA INDUSTRI YANG MEMERLUKAN RAMAI PEKERJA DAN MEMBERI KESAN YANG NYATA SEKALI DARI SEGI SOSIO-EKONOMI, MAKA KAWALAN KE ATAS PENEMPATAN KILANG-KILANG ELEKTRONIK PERLU DIBERI PANDANGAN LEBIH BERAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYERU SYARIKAT-SYARIKAT ELEKTRONIK DI NEGARA INI MENINGKATKAN LAGI TEKNOLOGI DAN TARAF KEMAHIRAN PEKERJA MASING-MASING UNTUK MENANDINGI PERSAINGAN YANG WUJUD DENGAN PERINGKAT TEKNOLOGI YANG SEMAKIN MENINGKAT DI NEGARA-NEGARA MAJU.

INDUSTRI ELEKTRONIK DI NEGARA INI MASIH DALAM PROSES PERKEMBANGAN DAN SEBAHAGIAN BESAR KILANG-KILANG ELEKTRONIK YANG ADA HANYA MENGELUARKAN KOMPONEN-KOMPONEN YANG DIGUNAKAN UNTUK MEMBUAT BARANG-BARANG LENGKAP.

BELIAU MEMBERI JAMINAN KERAJAAN SENTIASA PERSIKAP PRAGMATIK DAN BERTOLAK ANSUR DALAM MENGUATKUASAKAN SYARAT-SYARAT PELABURAN TERHADAP SEBARANG SYARIKAT YANG INGIN MELABUR DI NEGARA INI.

+DENGAN ADANYA TOLAK ANSUR ANTARA PARA PELABUR DAN KERAJAAN, MAKA KEPENTINGAN KEDUA-DUA BELAH PIHAK AKAN LEBIH TERJAMIN+, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN. -- BERSAMBUNG 1413/LK

B525:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENYERU SUPAYA PENGILANG-PENGILANG YANG SEDIA ADA MENGAMBIL KESEMPATAN MEMPERKENALKAN BARANG-BARANG MEREKA KEPADA BAKAL PENGIMPORT DI LUAR NEGERI MELALUI PUSAT PERDAGANGAN EKSPORT MALAYSIA DI WISMA PKNS YANG DIBUKA JANUARI LALU.

PASARAN LUAR NEGERI PERLU LAH DITEROKAI SUPAYA PERINDUSTRIAN DI NEGARA INI DAPAT BERKEMBANG MAJU, KATANYA.

SYARIKAT ASIAN NDK YANG MEMULAKAN KEGIATANNYA TAHUN LALU DENGAN MODAL \$6 JUTA MENGEKSPORT SEMUA PENGELUARANNYA BERUPA +QUARTS CRYSTAL BLANKS+ DAN +QUARTZ CRYSTALS+ UNTUK KEGUNAAN TV WARNA, JAM TANGAN DAN MICROPROCESSOR KE JEPUN, AMERIKA SYARIKAT, EROPAH, HONG KONG DAN SINGAPURA.

SYARIKAT KEPUNYAAN JEPUN INI MEMPUNYAI 480 ORANG PEKERJA YANG SEBAHAGIAN BESARNYA TERDIRI DARI RUMIPUTERA, KECUALI DI PERINGKAT PENGURUSAN DAN IKTISAS CUMA 35 PERATUS RUMIPUTERA DAN 65 PERATUS